



PERKONGSIAN CABARAN DALAMAN DAN LUARAN KLIEN WANITA BERPOLIGAMI OLEH KAUNSELOR MUSLIM DI PULAU PINANG MALAYSIA

Samsiah Jayos¹
Nur Atikah Mohd Yadzi²
¹jsamsiah@unimas.my
²nuratikah92@gmail.com

^{1&2} Program Kaunseling
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

ABSTRAK

Poligami merujuk kepada seorang lelaki yang mempunyai isteri lebih dari seorang. Manakala kajian mengenai cabaran yang dihadapi oleh isteri atau wanita yang berpoligami secara lebih mendalam dan terperinci masih lagi kurang dijalankan (Mohd Amiruddin, 2005; Jaymess, 2007). Jika isu poligami ini dibahaskan, ia membuatkan kaum lelaki menyenangkannya, manakala wanita mencemuhkannya (Zuhayati, 2010). Sehubungan itu, kajian ini berkaitan dengan poligami dan dikhususkan kepada wanita Islam yang berpoligami iaitu wanita yang berpoligami ingin dijalankan. Melalui poligami iaitu hidup bermadu pastinya akan mengalami pelbagai cabaran bagi seorang wanita. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji cabaran luaran dan dalaman yang dihadapi oleh wanita yang poligami secara lebih mendalam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dan reka bentuk kajian ini adalah reka bentuk kajian kes dengan menggunakan kaedah temu bual secara bersemuka (Kamarul Azmi, 2012; Kamarul Azmi, 2012; Rusli Ahmad et al., 2014). Sampel kajian adalah bertujuan. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada wanita Islam yang sedang bermadu di sekitar Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kajian ini melibatkan seorang responden yang merupakan isteri pertama sebagai kajian rintis. Seterusnya empat (4) orang responden sebenar yang terdiri daripada seorang isteri pertama, dua (2) orang isteri kedua dan seorang isteri ketiga. Hasil kajian mendapati terdapat dua (2) skop cabaran iaitu cabaran dalaman dan luaran. Didapati tiga (3) cabaran luaran yang dihadapi oleh responden iaitu aspek jasmani, aspek ekonomi dan aspek interaksi sosial. Manakala, cabaran dalaman terdapat tiga (3) aspek iaitu aspek emosi, aspek intelektual dan aspek rohani. Secara keseluruhannya, kajian ini adalah untuk mengetahui dan memberikan sedikit sebanyak gambaran tentang cabaran yang dihadapi oleh wanita yang bermadu terhadap kaunselor dan masyarakat. Selain itu, kajian ini perlulah diperluaskan lagi pada masa akan datang agar keluarga, kaunselor dan masyarakat mendapat pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu ini dengan harapan klien dalam golongan ini dapat dibantu dengan lebih berkesan.

Kata kunci: Perkongsian, cabaran, cabaran dalaman, cabaran luaran, klien, poligami dan wanita.

PENGENALAN

Musdah (2000) menyatakan secara etimologi perkataan poligami berasal dari bahasa Yunani yang merupakan gabungan dari dua perkataan. Pertama adalah *poli* dan *polus* yang bermaksud banyak dan kedua pula adalah *gamien* dan *gamos* yang bermaksud perkahwinan. Berdasarkan gabungan tersebut, dapat disimpulkan bahawa poligami bermaksud perkahwinan yang banyak. Manakala secara terminologi poligami merupakan salah satu perkahwinan yang satu pihak memiliki atau mengahwini beberapa lawan jenis dalam waktu yang sama. Selain itu, berdasarkan Norsaadah *et al.*, (2014, ms. 176), “poligami merupakan perkahwinan antara lelaki dengan ramai wanita”. Selain itu, ada juga isteri yang sanggup untuk menerima poligami dengan alasan untuk melatih diri tidak memiliki sifat dengki, melatih kesabaran dan keikhlasan dalam berbagi kebahagiaan dengan wanita lain dan seterusnya melatih untuk hidup sihat dan bersih. Mereka turut menyatakan kesan umum yang akan terjadi kepada pihak isteri di mana suaminya melakukan perkahwinan poligami ialah akan muncul perasaan *inferior* dalam diri si isteri kerana mereka akan menyalahkan diri sendiri bahawa mereka tidak mampu untuk memenuhi keperluan suami (Idha, 2007; Rizki, 2008; Hafiz Firdaus 2012 & Irfan, 2014).


TEORI

Teori pemusatan (PCT) klien merupakan teori utama yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Melalui penggunaan teori ini, pengkaji dapat menerima maklumat-maklumat daripada responden dengan baik dan seterusnya membuat kajian mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh wanita bermadu. Menurut Melati *et al.*, (2014), PCT diasaskan oleh Carl Rogers. Ia menekankan tentang penerimaan dan kefahaman individu lain terhadap klien dan dengan penerimaan dan kefahaman ini boleh membuatkan klien memahami masalah mereka dan berkembang dengan menggunakan sumber-sumber diri. Beliau menganggap bahawa

individu tersebut juga dapat berkembang jika terdapat perasaan percaya-mempercayai, hormat-menghormati yang boleh dirasai dan dialami oleh mereka terhadap individu lainnya.

Teori ini juga tidak menekankan sebarang teknik yang spesifik kerana berdasarkan Rogers, prinsip teori iaitu keaslian atau tulen, empati dan penerimaan tanpa syarat merupakan penggerak kepada perubahan. Pengkaji mengaplikasikan pendekatan teori ini semasa temu bual dijalankan dengan kebolehan berkomunikasi, keaslian, memahami dengan empati dan menerima tanpa sebarang syarat serta tanpa adanya prejudis terhadap responden. Pengkaji ingin responden merasai kewujudan pengkaji semasa temu bual dijalankan agar responden memberikan jawapan kepada persoalan kajian dengan penerokaan sendiri, keterbukaan sendiri dan terhadap orang lain. Seterusnya, pendekatan teori ini ingin memupuk pendapat bahawa responden ialah rakan kongsi penuh dalam hubungan dan bukanlah rakan yang merendah diri. Oleh itu, kajian ini telah memfokuskan kepada teori pemusatan klien kerana untuk memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat dan jawapan subjektif daripada responden berdasarkan persoalan kajian.

Selain itu, Teori Heirarki Keperluan Maslow juga diguna pakai dalam kajian ini merujuk Ridzuan Masri, Arman Ahmad, dan Razlina Abd Rani (2018) terutama dalam sub sub tema yang melibatkan keperluan dari aspek rohani, social dan fisiologi atau jasmani klien oleh kaunselor.



Rajah 1: Hierarki Keperluan Maslow

METODOLOGI

Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif (Kamarul Azmi, 2012). Analisa data pula secara manual iaitu dari temu bual data diubah kepada transkrip dan kemudiannya diklasifikasi kepada tema, sub tema dan sub sub tema. Lokasi kajian iaitu di Pulau Pinang dan sekitar Sarawak. Sampel kajian ini terdiri daripada empat (4) orang responden dan pengkaji menggunakan pensampelan bertujuan. Menurut Cresswell (1998) dan Pupu (2009) sampel dipilih secara bertujuan dan menurut tujuan kajian serta kaedah kualitatif ini menggunakan sampel yang sedikit. Selain itu, bagi memperoleh maklumat berkualiti dalam kajian, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu pada pengumpulan maklumat yang banyak tetapi hanya memberi tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizah, 2010). Bagi pemilihan sampel, pengkaji telah menetapkan kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi untuk dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Kriteria yang ditetapkan adalah responden mestilah seorang wanita Islam. Kedua, kesemua responden mestilah wanita yang sedang bermadu atau berkongsi suami. Berdasarkan Rusli *et al.*, (2014) menyatakan pensampelan bertujuan adalah merujuk kepada pengkaji telah mempunyai spesifik kriteria atau ciri-ciri untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Melalui pensampelan ini, pengkaji dapat mengetahui pendapat individu yang disasarkan (Moleong, 2000). Selain itu, ciri lain responden yang telah ditemui bual adalah daripada pelbagai status kedudukan sebagai isteri. Untuk responden pertama dan ketiga adalah isteri pertama, responden kedua adalah isteri ketiga, responden keempat dan kelima adalah isteri kedua.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji memilih 4 orang responden yang memiliki syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Jadual di bawah merupakan ringkasan tentang latar belakang utama responden yang terlibat.

Jadual 1: Demograhpi Responden Klien Wanita berpoligami

Bil.	Status	Umur	Tempoh	Tempoh	Jumlah	Pekerjaan
------	--------	------	--------	--------	--------	-----------

	Kedudukan Isteri	(Tahun)	Berkahwin	Bermadu	Anak	Responden
R1	3	45	17	17	1	Berniaga
R2	1	47	19	12	3	Berniaga
R3	2	42	15	15	2	Suri rumah
R4	2	42	17	17	2	Berniaga

Petunjuk: R = Responden

Merujuk dapatan dari kajian terdapat dua (2) tema cabaran iaitu cabaran luaran dan dalaman. Berdasarkan dari Jadual 2 dan 3, berikut adalah perbincangan berkaitan dengan sub tema dapatan kajian untuk kedua-dua tema tersebut. Kajian seumpama ini diluar negara pernah dilakukan oleh Jaymess (2007) telah mengkaji mengenai kehidupan dua orang wanita bermadu dalam empat aspek iaitu konflik, emosi, seksualiti dan persepsi dalam bermadu dan berdasarkan kajian beliau, ia telah mengkaji dari aspek luaran dan juga dalaman. Dalam kajian ini, saya fokuskan skop kajian untuk mengkaji cabaran wanita bermadu dalam aspek luaran iaitu interaksi sosial dan status ekonomi manakala aspek dalaman adalah jasmani, rohani, emosi, dan intelektual.

Berikut di bawah Jadual 2 yang menunjukkan tema, sub tema dan sub sub tema cabaran klien wanita yang terlibat dengan poligami untuk dapatan cabaran luaran klien wanita berpoligami dan kupasan lebih mendalam akan disentuh dalam slot perbincangan ini.

Jadual 2: Cabaran Luaran Klien Wanita Berpoligami

Tema	Sub Tema	Sub Sub-Tema
Cabaran Luaran	1. Jasmani	1.Kesihatan
	2. Ekonomi	1.Status kewangan keluarga 2.Perbelanjaan harian 3.Kerja untuk tampung keluarga
	3. Interaksi Sosial	1.Hubungan dengan suami 2.Hubungan dan interaksi dengan anak-anak 3.Hubungan dan interaksi dengan isteri lain 4.Hubungan dengan anak tiri

Sub Tema 1: Jasmani

Dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat satu sahaja tahap kesihatan fizikal yang dialami oleh responden iaitu sihat tubuh badan. Dalam Falen, (2008) ada menyentuh perihal kesejahteraan kesihatan bagi penganut agama yang ingin berkahwin lebih dari satu. Kesihatan amat penting supaya suami dapat memberikan nafkah zahir dan batin yang terbaik buat isteri-isteri.

Sebaliknya, wanita yang tidak sihat terutama dalam memenuhi nafkah batin suaminya boleh membenarkan suaminya berkahwin lain. Selain, kesihatan mental juga tidak kurang penting dalam berpoligami kerana sebarang cabaran yang dihadapi akan dapat diatasi oleh minda seterusnya membawa kepada konsep redha dan pasrah dalam jiwa seseorang wanita yang bersedu ini. Kebiasaannya jika kesihatan fizikal yang baik, maka akan positif apa yang seseorang itu fikir, maka akan positif natijah yang akan datang (Idha, 2007; Irfan, 2014).

Sub Tema 2: Ekonomi

Dapatan kajian ini mendapati terdapat beberapa cabaran ekonomi kewangan dalam keluarga yang bersedu antaranya adalah status kewangan, suami, isteri, suami dan isteri yang menguruskan kewangan keluarga dan isteri bekerja untuk tampung keluarga. Menurut Nur Zahidah & Raihanah (2011), kecukupan pendapatan dan kekukuhan sistem ekonomi adalah berkait rapat dengan aspek kesejahteraan keluarga terutama dalam memenuhi lima (5) keperluan kehidupan yang dinyatakan dalam teori Maslow di atas. Oleh itu, untuk memenuhi asas-asas penting kehidupan keluarga atau keperluan keluarga seperti pendapatan yang stabil, ekonomi yang kukuh, tempat penginapan yang sejahtera, pendidikan dan sokongan keluarga adalah penting dalam mendapatkan kebahagiaan sesebuah keluarga yang mengamalkan poligami dalam kehidupan mereka.

Ini disokong oleh Azizah yang dipetik daripada Raihanah (1997), perkahwinan poligami di kalangan masyarakat dikatakan mempunyai fungsinya yang tersendiri iaitu untuk tujuan ekonomi, politik, demografi dan sosio-budaya. Perkahwinan poligami dalam masyarakat dijadikan sebagai sumber ekonomi iaitu bagi menambahkan pendapatan keluarga kerana dengan adanya isteri-isteri ini, ia akan dijadikan tenaga kerja bagi menambahkan pendapat. Tambahan lagi, beliau menyatakan oleh sebab fungsi ekonomi seperti ini, maka tidak adalah timbul perasaan hasad dengki dan cemburu dalam kalangan isteri-isteri kerana

berpoligami tidak berasaskan kepada perasaan kasih dan sayang. Tambahan lagi, Rizki Zulaikha Parlina (2008) menyatakan apabila berpoligami, suami sering mengabaikan dan tidak dipenuhi hak-hak isteri seperti pengabaian ekonomi dalam pemberian nafkah untuk anak dan isteri. Ini membuatkan isteri yang hidup dalam poligami perlu memenuhi keperluan ekonomi keluarga mereka sendiri.

Seterusnya, Falen (2008) menyatakan melalui perkahwinan dapat mengembangkan dan mengekalkan harta dan kekayaan. Oleh itu dengan mempunyai isteri-isteri yang ramai dapat menyumbang dengan mejadikan mereka buruh atau bekerja serta mempunyai anak yang ramai juga adalah untuk memastikan ekonomi keluarga terjamin. Walaubagaimana pun, berdasarkan Leli Nurohmah (2003) ada menyatakan masalah ekonomi juga sering berlaku di dalam keluarga yang berpoligami. Masalah ekonomi yang dimaksudkan adalah berupa pengabaian kepada keperluan ekonomi ataupun kewangan terhadap isteri dan anak-anak.

Sub Tema 3: Interaksi sosial

Dapatan kajian ini mendapati terdapat empat jenis cabaran dalam interaksi sosial iaitu hubungan dengan suami, anak-anak, isteri lain dan juga anak tiri. Perhubungan yang baik dalam sesebuah keluarga amat penting bagi menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan dalam rumah tangga tambahan lagi bagi keluarga yang berpoligami.

Bukan sahaja hubungan baik dengan suami dan anak-anak perlu dijaga tetapi hubungan antara sesama isteri yang lain juga perlu dipertimbangkan yang ada disentuh dalam Leli Nurohmah (2003); Mohd Amiruddin (2005); Mohd Zariat (2008); Karim Hilmi, Juhan & Mohd Puzhi (2008) untuk mewujudkan perkahwinan yang bahagia walaupun berpoligami, setiap isteri perlulah saling faham-memahami dan hormat-menghormati antara satu sama lain supaya dapat menjalani kehidupan berkeluarga dengan suasana yang normal seperti orang lain. Poligami ini ada dalam Islam dan Rasullulah S.A.W. sendiri terlibat dengan poligami, yang merupakan Sunnah kepada umat Islam jika mengamalkannya. Sesungguhnya, poligami walaupun sentiasa menjadi isu hangat dan kadang dipandang jenkil oleh sesetengah pihak, tetapi ada banyak hikmahnya dan jawapan kenapa Allah S.W.T. membenarkannya (Rizki, 2008; Karim Hilmi, Juhan & Mohd Puzhi, 2008).

Seterusnya, berikut pula merujuk Jadual 3 yang menunjukkan tema, sub tema dan sub sub tema cabaran klien wanita yang terlibat dengan poligami untuk dapatan cabaran dalaman klien wanita berpoligami dan perbincangan lebih mendalam akan disentuh dalam bahagian ini.

Jadual 3: Cabaran Dalaman Klien Wanita Berpoligami

Tema	Sub Tema	Sub Sub-Tema
Cabaran Dalaman	1. Emosi	1. Marah 2. Sakit Hati 3. Cemburu 4. Takut 5. Malu 6. Gembira 7. Dihargai
	2. Pemikiran	1. Agama 2. Jodoh 3. Anak-anak 4. Prinsip hidup 5. Tidak boleh hidup kalau tidak ada suami
	3. Rohani	1. Penerimaan untuk bermadu 2. Tindakan untuk hadapi bermadu 3. Pasrah 4. Redha

Sub Tema 1: Emosi

Berikut perbincangan berhubung cabaran emosi yang dihadapi oleh para responden dalam kajian ini apabila mereka bermadu. Antara dapatan sub sub tema bagi tema cabaran emosi ialah marah, sakit hati, cemburu, takut, malu, gembira dan dihargai. Hasil dapatan yang diperoleh dalam kajian ini adalah bertetapan dengan kenyataan yang dibuat oleh Nurul Adni (2012) yang menyatakan bahawa apabila suami berkahwin lagi, maka sebenarnya wanita tersebut sedang menuju siri-siri cabaran perasaan yang rumit lagi mencabar antaranya adalah marah, sakit hati, cemburu, takut, malu, gembira, dihargai, dan sayang. Perasaan-perasaan yang dirasai oleh responden adalah berdasarkan pengalaman yang dilalui sepanjang responden hidup dalam keluarga bermadu. Ada responden yang merasai perasaan yang sama dengan responden yang lain dan juga sebaliknya.

Seterusnya, dalam (Rizki Zulaikha 2008; Lathifah Nur Lailiyah *et. Al.*, 2015) menyatakan interaksi isteri sesama suami mengalami masalah apabila suami secara senyap-senyap berkahwin lagi tanpa pengetahuan si isteri dan ini telah menyebabkan keharmonian rumah tangga juga terganggu. Selain itu, keluarga merupakan tempat untuk anak belajar berinteraksi tetapi apabila interaksi antara kedua orang tua bermasalah maka interaksi bersama anak-anak juga turut terganggu. Seterusnya, kebanyakan isteri pertama tidak dapat membina dan mencipta hubungan yang baik sesama madunya kerana ketidaksetujuan berpoligami, timbul perasaan benci terhadap madunya dan masing-masing tidak mahu berbaik. Tetapi ada juga yang dapat membina hubungan baik sesama madunya apabila suami mereka dapat menciptakan suasana yang harmoni dalam keluarga.

Manakala berdasarkan Jankowiak, Sudakov, dan Wilreker (2005) dalam kajian lain yang menyatakan keluarga yang berpoligami adalah tidak stabil kerana factor seksual dan faktor emosi tetapi bukan kerana faktor ekonomi.

Sub Tema 2: Intelektual

Dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat beberapa jenis pemikiran bagi responden menerima amalan berpoligami, membuat keputusan untuk terus berpoligami dan apa yang difikirkan dalam meneruskan kehidupan berpoligami tersebut. Ini bersamaan dengan dapatan beberapa kajian lain antaranya jenis pemikirannya adalah agama, jodoh, anak-anak, prinsip hidup dan pasrah dan redha (Jankowiak, Sudakey & Wilreker, 2005; Jaymess, 2007). Ahmad, Juhan & Mohd (2008) menyatakan Islam tidak melarang umatnya untuk berpoligami jika takut berlaku zalim atau tidak adil. Ini kerana berpoligami memang tidak dilarang tetapi Islam juga tidak mengajaknya secara mutlak tanpa batasan. Dalam Islam lelaki dibolehkan untuk berpoligami ada dinyatakan di dalam Al-Quran Surah al-Nisa' ayat 3 yang bermaksud :

'Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): Dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri

kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.'

(Surah An-Nisa':3)

Dapatan berhubung agama oleh Haron (2007) dengan mengemukakan hasil dapatan daripada kajian beliau yang menyatakan kebanyakan isteri menerima untuk berpoligami atau bermadu adalah kerana dalam ajaran agama yang membenarkan poligami tersebut.

Sub Tema 3: Rohani

Seorang perunding motivasi kaunseling, Hushim Salleh menyatakan wanita bermadu mempunyai kekuatan tersendiri untuk menghadapi cabaran kerana wanita yang mengambil keputusan untuk bermadu perlu mempunyai jati diri dalaman dan rohani yang kuat serta sabar dalam menangani dugaan hidup. Beliau menyatakan bagi isteri tua, kesabaran adalah aspek yang penting untuk meneruskan rumah tangga dan bagi isteri muda pula, menyibukkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang boleh membuatkan mereka sibuk kerana mereka telah memilih untuk melalui dugaan hidup yang mencabar dengan meneruskan berhubungan walaupun lelaki tersebut telah beristeri. Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa kebahagiaan rumah tangga adalah bermula daripada hati dan juga tubuh badan yang sihat (Zuhayati, 2010),

Hal ini kerana apabila hati berasa sakit pastinya akan menjejaskan kesihatan jasmani dan beliau menyarankan agar hidup dengan aktiviti yang bermanfaat (Zuhayati, 2010). Seterusnya, Irfan Fahmi (2014) menyatakan perempuan menerima dan membuat keputusan untuk menjalankan perkahwinan poligami adalah kerana berlandaskan agama. Kenyataan beliau disokong oleh Setiati & Hamzah (2007) yang mengemukakan hasil dapatan daripada kajian beliau yang menyatakan kebanyakan isteri menerima untuk berpoligami atau bermadu adalah kerana agama.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, suami perlu pandai serta berhikmah jika ingin berjaya mengendalikan rumah tangga yang lebih daripada seorang isteri poligami atau bermad, ini kerana bermadu tidak “semanis madu” yang dalam perkataan madu tersebut dari segi Bahasa. Ianya boleh jadi racun dan dapat membunuh kebanyakan wanita dan institusi rumah tangga. Bukan calang-calang wanita yang boleh hidup dengan berpoligami dan berkongsi suami dengan wanita lain. Seseorang yang hidup berpoligami harus menempuh pelbagai cabaran yang bukan hanya satu sudut malah, pelbagai sudut yang telah dibincangkan dalam dapatan kajian ini. Semoga maklumat yang dikongsikan dalam kajian ini dapat dijadikan panduan yang terbaik buat wanita dan pasangan yang memilih untuk berpoligami dalam hidup serta ahli masyarakat secara langsung dan tidak langsung. Selain buat kaunselor yang sedang dan akan mengendalikan sesi kaunseling bersama klien kategori ini.

DAFTAR PUSTAKA

- Ahmad, K. H., Juhan, C. Y., & Mohd, P. U. (2008). *Poligami: Kesenangan atau kesengsaraan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Azizah Hamzah. (2010). Kaedah kualitatif dalam penyelidikan sosiobudaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 6 (1).
- Cresswell, J. (1998). *Research Design: Qualitative & Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Falen, D. J. (2008). Polygyny and Christian marriage in Africa: The case of Benin. *Africa Studies Review*, 51 (2), 51-75.
- Hafiz Firdaus Abdullah. (2012). *202 Pelajaran Berkenaan Poligami*. Johor Baru, Malaysia: Perniagaan Jahabersa.
- Haron Din (2007). *Islam: Panduan Komprehensif Keluarga Bahagia*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Idha Aprilyana Sembiring. (2007). Berbagai-bagai faktor penyebab poligami di kalangan pelaku poligami di Kota Medan. *Jurnal Equality*, 12(2), 112-119.

- Irfan Fahmi. (2014). Proses pengambilan keputusan menjadi isteri kedua dalam perkahwinan poligami pada wanita berpendidikan tinggi. *Psymphatic, Jurnal Ilmiah Psikologi Juni*, 1 (2), 231-243.
- Jankowiak, W., Sudakov, M., & Wilreker, B. C. (2005). Co-wife conflict and co-operation. *Ethnology*. 44 (1), 81-98.
- Jaymess, C. G. (2007). *Kehidupan dua orang wanita bersedu* (Degree's thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. Johor Bahru: Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial*. Johor Bahru: Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Karim Hilmi Farhat Ahmad, Juhan Che Yaman dan Mohd Puzhi Usop (2008). *Poligami: Kesenangan atau kesengsaraan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Lathifah Nur Lailiyah, Ayunda Hardiyanti, Jauharotun Nafi'ah dan Risyda Zakiyah Hanim (2015). *Emosi*. Universitas Jember.
- Leli Nurohmah. (2003). Poligami, saatnya melihat realitas. *Jurnal Perempuan*, 31, 31-45.
- Melati Sumari., Ida Hartina Ahmed Tharbe, Norfaezah Md Khalid, & Azmawaty Mohamad Nor (2014). *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Amirruddin Basri. (2005). *Kajian tentang poligami di kalangan lelaki pertengahan umur* (Degree's thesis). Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohd Zariat Abdul Rani. (2008). Poligami dan gender dalam *Tok Guru*. Karya Shahnun Ahmad dan *Pujangga Melayu* karya Mohd. Affandi Hassan. *Akademika* 74, 3-20.
- Moleong, J. L. (2000). *Metodologi Penelitian Kualitatif (Edisi Revisi)*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Musdah Mulia. (2000). *Pandangan Islam tentang poligami*. Jakarta: Lembaga Kajian Agama dan Gender dengan Persekitaran Solidaritas Perempuan dan The Asia Foundation.
- Norsaadah Din., Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, & Ahmad Nazeer Zainal Arifin. (2014). Membina perkahwinan berdaya tahan sepanjang hayat melalui pendekatan Al-Quran dan Al-Sunah. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam Kuis*, 7(1), 174-187.
- Nurul Adni Adnan. (2012, February 27). *Poligami: Bersedia hadapi ombak perasaan~Cahaya hati menuju Ilahi* [Web log post]. Retrieved from <http://sisi-kehidupan.blogspot.my/2012/02/poligami-bersedia-hadapi-ombak-perasaan.html>.

- Nur Zahidah Jaapar & Raihanah Azahari. (2011). Model keluarga bahagia menurut Islam. *Jurnal Fiqh*, (8), 25-44.
- Pupu Saeful Rahmat. (2009). Penelitian kualitatif. *Equilibrium*, 5 (9), 1-8.
- Ridzuan Masri, Arman Ahmad, dan Razlina Abd Rani (2018). Teori Maslow Dalam Konteks Memenuhi Keperluan Asas Pekerja Dan Peranannya Dalam Meningkatkan Prestasi Organisasi: Kajian Dan Perspektif Islam. ISSN 1985-6830 eISSN 2550-2271. *Jurnal Hadhari* 10 (1). Mukasurat 1-27.
- Rizki Zulaikha Parlina. (2008). *Interaksi sosial dalam keluarga yang berpoligami*. Universitas Sumatera Utara.
- Rusli Ahmad, Hasbee Usop, Azman Ismail, Sopian Bujang, & Nur Naha Abu Mansor (2014). *Conducting Research in Social Sciences and Management Studies: Practical and a step-by-step guide*. Malaysia: RS Publishing House.
- Setiati, E., & Hamzah, M. (2007). *Hitam putih poligami: Menelaah perkahwinan poligami sebagai sebuah fenomena*. Jakarta: Cisera Publishing.
- Zuhayati Yazid (2010, February 15). *Sukarnya berbahagi suami*. http://Utusan_Malaysia.